



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**21 NOVEMBER 2023 (SELASA)**

## Bantah bina kilang makanan haiwan dekat kediaman

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara		21 Nov

# Bantah bina kilang makanan haiwan dekat kediaman

**SEBERANG PERAI** – Lebih 500 penduduk Kampung Baharu, Tasek Gelugor di sini menyatakan kebimbangan selepas rancangan pembinaan kilang di tanah lot berhampiran kediaman mereka diluluskan pihak berkuasa tempatan (PBT), baru-baru ini.

Susulan itu, sekumpulan penduduk berkumpul di hadapan tapak seluas kira-kira 1.6 hektar itu, kelmarin sebagai bantahan terhadap pemilik tanah yang didakwa mahu mendirikan kilang pemprosesan makanan haiwan di kawasan terbabit.

Seorang penduduk, Mohd. Kozri Ayob, 59, berkata, dia bimbang sekiranya pembinaan kilang terbabit diteruskan kerana lokasi itu amat berhampiran dengan penempatan penduduk.

“Permohonan kebenaran merancang pembinaan dua unit kilang setingkat, satu unit pejabat dua tingkat, satu unit TNB *substation*, satu unit pondok pengawal, satu unit bilik pam dan kolam takungan telahpun diluluskan.

“Pembinaan kilang ini bukan sahaja akan menyebabkan pencemaran udara dan bunyi bising, malah dikhuatiri akan mengganggu ketenteraman penduduk.

“Kami tidak menolak pembangunan, namun bina kilang



**BUKHORI (tiga dari kanan) bertemu Mohd. Kozri (tiga dari kiri) di Kampung Baharu, kelmarin.** – SITI NUR MAS ERAH AMRAN

di kawasan perkampungan ini amat tidak sesuai kerana penduduk yang terpaksa berdepan dengan akibat dan risikonya,” katanya ketika ditemui pemberita di sini.

Tambahnya, penduduk berhasrat untuk mengatur pertemuan bersama pemilik tanah

dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam masa terdekat bagi mencari titik penyelesaian isu terbabit.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Bukhori Ghazali ketika ditemui berjanji akan membantu penduduk setempat.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR